

## Syarat-syarat Am

Permainan ini dikeluarkan oleh Travian Games GmbH, Wilhelm-Wagenfeld-Straße 22, 80807 Munich, selepas ini dirujuk sebagai "PERMAINAN TRAVIAN". Perkhidmatan yang ditawarkan di dalam rangka kerja permainan ini disediakan secara eksklusif berasaskan Syarat-syarat ini ("syarat-syarat").

### Maklumat am:

Pengeluar permainan dan laman web ini adalah Travian Games GmbH (Munich District Court, HRB 173511), Wilhelm-Wagenfeld-Straße 22, 80807 Munich, Germany.

Pengarah Urusan: Jörg Strathaus, Frederik Hammes

Sekiranya terdapat apa-apa masalah dengan laman web, permainan atau pembelian kredit, anda boleh menghubungi perkhidmatan pelanggan kami di **support@traviangames.com**. Ianya tidak melibatkan apa-apa kos kecuali yang berkaitan dengan penghantaran emel tersebut. Perkhidmatan pelanggan biasanya akan menjawab persoalan anda dalam masa 24 jam. Anda hanya boleh berkomunikasi dengan perkhidmatan pelanggan dalam bahasa yang digunakan di dalam game world yang relevan.

Liabiliti berkanun bagi kecacatan akan dikenakan; hanya tuntutan pampasan dihadkan menurut § 13. Sila berikan perhatian juga kepada §§ 12 dan 13 yang mempunyai maklumat tambahan berkaitan perkara ini.

Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai platform Resolusi Pertikaian Dalam Talian (Online Dispute Resolution atau ODR) Suruhanjaya Eropah di sini: <http://ec.europa.eu/consumers/odr>. Buat masa ini, kami tidak menggunakan Resolusi Pertikaian Alternatif (alternative dispute resolution atau ADR), termasuk melalui platform ODR, sebagai cara menyelesaikan aduan pengguna. Sekiranya anda mempunyai aduan, sila hubungi kami secara terus di protest@traviangames.com.

### 1. Skop pemakaian

- (1) Kami dengan jelas membangkang penggunaan apa-apa syarat-syarat yang dikenakan oleh pengguna permainan ini (kemudian daripada ini "pengguna"). Apa-apa syarat-syarat pengguna hanya terpakai sekiranya TRAVIAN GAMES memberikan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu.
- (2) Selain syarat-syarat ini, peraturan permainan yang berkaitan dan relevan, peraturan forum yang berkaitan dan relevan, peraturan perlindungan data dan arahan permainan yang dipaparkan pada laman web akan diguna pakai.
- (3) Syarat-syarat ini dipaparkan secara eksklusif di laman web permainan. Pengguna boleh memuat turun dan menyimpannya pada cakera keras mereka, pada pembawa data kekal atau mencetaknya. Syarat-syarat ini juga ada disimpan oleh TRAVIAN GAMES.
- (4) Syarat-syarat ini terpakai kepada semua pengguna permainan ini. Sebaik sahaja pengguna telah bersetuju dengan kontrak pengguna permainan, dia

bersetuju untuk diikat. Apabila mendaftar dengan permainan ini, pengguna akan diminta untuk bersetuju dengan syarat-syarat ini, yang akan terpakai kepada apa-apa penggunaan permainan ini.

- (5) TRAVIAN GAMES menawarkan permainan ini hanya kepada pengguna seperti yang disebutkan di dalam § 13 di dalam Kanun Sivil Jerman (German Civil Code atau BGB). Penggunaan permainan ini untuk mendapatkan keuntungan atau tujuan komersial yang lain adalah dilarang. Hanya mereka yang berumur 18 tahun ke atas pada masa pendaftaran layak menyertai permainan ini. Mereka yang belum cukup umur hanya layak menyertai permainan ini sekiranya mendapat kebenaran daripada waris mereka yang sah terlebih dahulu sebelum mendaftar dengan permainan ini. Semasa mendaftar, pengguna dengan jelas mengesahkan bahawa dia telah mencapai umur 18 tahun dan, bagi yang belum, kebenaran daripada waris mereka yang sah telah didapati.

## **2. Pindaan syarat oleh TRAVIAN GAMES**

- (1) TRAVIAN GAMES berhak untuk meminda atau menambah kepada syarat-syarat ini pada bila-bila masa dengan tarikh kuat kuasa di masa akan datang sekiranya dirasakan perlu dengan alasan yang kukuh (khususnya untuk membiasakan diri mereka untuk mematuhi perubahan status undang-undang dan perundangan atau terhadap pembangunan teknologi, untuk merapatkan jurang peraturan dan untuk mengembangkan skop perkhidmatan TRAVIAN GAMES). Sekiranya pemindaan tersebut menyebabkan gangguan teruk terhadap keseimbangan kontrak di antara kedua-dua pihak, pindaan tersebut akan dibatalkan.
- (2) Pengguna akan dimaklumkan mengenai apa-apa pindaan terhadap syarat-syarat ini dengan cara yang sesuai. Pemberitahuan ini akan dibuat sama ada melalui laman web TRAVIAN GAMES, di mana tettingkap yang baru akan muncul apabila pengguna tersebut melog masuk ke halaman pelancaran atau platform permainan, dengan menghantar mesej dalam permainan kepada akaun permainan pengguna itu sendiri atau melalui emel kepada alamat emel yang diberikan oleh pengguna. Di dalam semua kes, pengguna juga akan dimaklumkan mengenai apa-apa pindaan melalui pemberitahuan yang disoroti pada waktu dia melog masuk di laman web atau memulakan permainan yang seterusnya.
- (3) Pengguna boleh membangkang pindaan tersebut secara bertulis dalam masa satu (1) bulan selepas pemberitahuan dan kebolehcapaian maklumat, iaitu dengan menghantar emel kepada **[protest@traviangames.com](mailto:protest@traviangames.com)** untuk menyatakan bantangan tersebut.
- (4) Sekiranya pengguna tidak membangkang syarat-syarat yang dipinda dalam masa satu (1) bulan selepas pemberitahuan dan kebolehcapaian maklumat tersebut kepada TRAVIAN GAMES, syarat-syarat yang dipinda atau ditambah itu akan dikuatkuasakan.
- (5) Sekiranya pengguna membangkang dalam tempoh masa notis tersebut, TRAVIAN GAMES berhak menamatkan kontrak tanpa memberikan notis terlebih dahulu, menyebabkan pemadaman akaun permainan. Syarat-syarat yang asal akan terus berkuat kuasa sehingga penamatan kontrak. Sekiranya ini terjadi, pengguna boleh meminta pembayaran semula yuran

yang telah dibayar untuk kredit yang telah diaktifkan tetapi belum digunakan (lihat §§ 5 dan 6) atau kredit tersebut dipindahkan ke game world yang lain; Kredit hanya boleh dipindahkan kepada game world di dalam versi permainan dan negara yang sama dengan pembelian Kredit. Pengguna boleh memohon pembayaran balik kredit yang diperuntukkan untuk ciri-ciri premium (lihat § 9) yang telah diaktifkan dan bagi tempoh masa penggunaan yang belum lagi bermula pada masa permainan atau game world dihentikan. Kredit yang diperuntukkan untuk ciri-ciri premium yang telah diaktifkan sebelum ini dan tempoh masa penggunaannya telah bermula semasa permainan atau game world itu dihentikan tidak akan dibayar balik.

- (6) Di dalam pemberitahuan pindaan, TRAVIAN GAMES akan menarik perhatian pengguna secara khusus kepada haknya untuk membangkang dan menghentikan kontrak, tempoh notis dan tindakan undang-undang, khususnya jika gagal membangkang.

### **3. Keterangan perkhidmatan**

- (1) Perkhidmatan TRAVIAN GAMES mengandungi peruntukan permainan itu sendiri. TRAVIAN GAMES mungkin membolehkan pengguna membeli kredit yang melayakkan pengguna, atas budi bicara mereka, untuk mengaktifkan ciri-ciri premium yang memberikan fungsi dan pilihan permainan tambahan, dan boleh memberikan kelebihan di dalam permainan dan di dalam aktiviti permainan. Kredit hanya boleh digunakan di dalam permainan ini, game world kebangsaan yang relevan dan bagi akaun permainan ianya dibeli. Kredit tidak boleh ditukar atau dikembalikan, meskipun terdapat peraturan mengenai liabiliti, waranti, dan hak untuk membatalkan. Sila lihat §§ 5 dan 6 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kredit dan § 9 untuk maklumat mengenai ciri-ciri premium.
- (2) Penggunaan permainan ini hanya tersedia untuk pengguna yang bersetuju dengan kontrak pengguna permainan; jika permainan ini perlu dibeli, penggunaan permainan ini hanya tersedia untuk pengguna yang membeli permainan ini dan yang bersetuju dengan kontrak pengguna permainan. Penggunaan permainan ini dibolehkan bermula dari masa kontrak pengguna permainan dipersetujui. Untuk tujuan ini, pengguna akan menerima hak tunggal yang tidak boleh dipindah milik untuk menggunakan fungsi permainan ini di dalam versi semasanya. Pengguna tidak secara automatik layak terhadap kontrak pengguna permainan. Meskipun terdapat peraturan yang berlainan yang diguna pakai terhadap setiap permainan atau game world, pengguna hanya boleh memiliki satu akaun permainan. Sila lihat § 4 untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pengikatan kontrak pengguna permainan.
- (3) Permainan dan game world, nilai kredit dan ciri-ciri premium akan dikemas kini, dipinda, disambung dan diubah secara berterusan untuk memastikan permainan ini mengekalkan minat seramai pengguna yang boleh dalam jangka masa panjang. Oleh itu, pengguna hanya mendapat hak untuk menggunakan permainan ini, kredit dan ciri-ciri premium di dalam versi semasa mereka pada satu-satu masa. Pengguna tidak berhak untuk meminta pengekalan permainan, kredit dan ciri-ciri premium di dalam versi semasa pada masa dia bersetuju dengan kontrak tersebut.

- (4) Sekiranya TRAVIAN GAMES memecahkan satu permainan kepada beberapa game world, dan/atau menguruskan permainan atau game world di dalam pusingan permainan atau secara berterusan membangunkan permainan ini atau mengeset semula permainan atau game world tersebut di penghujung pusingan permainan, pengguna tidak layak untuk mengekalkan situasi atau kedudukan permainan yang mereka capai pada masa itu atau memindahkannya kepada game world yang lain. Pengguna juga tidak layak untuk memindahkan akaun permainannya kepada game world yang lain. Istilah "pusingan permainan" juga akan digunakan di bawah ini sekiranya permainan ini ditentukan sebagai permainan yang akan dibangunkan secara berterusan pada jangka masa panjang. Di dalam kes ini, istilah "pusingan permainan" bermaksud "tempoh permainan". Prinsip yang sama terpakai kepada istilah "game world".
- (5) Di penghujung pusingan permainan, pengguna boleh meminta kredit yang telah diaktifkan sebelum ini tetapi belum digunakan dipindahkan kepada game world yang lain. Kredit akan dipindahkan hanya kepada game world di dalam permainan dan negara yang sama dengan pembelian Kredit. Kredit yang diperuntukkan untuk ciri-ciri premium yang telah diaktifkan sebelum ini dan tempoh masa penggunaannya belum bermula semasa permainan atau game world itu dihentikan akan dibayar balik. Kredit yang diperuntukkan untuk ciri-ciri premium yang telah diaktifkan sebelum ini dan tempoh masa penggunaannya telah bermula semasa permainan atau game world itu dihentikan tidak akan dibayar balik. Pemindahan kredit akan dibuat dengan menghantar emel. Pengguna bertanggungjawab untuk memastikan dia tidak kehilangan emel tersebut.
- (6) TRAVIAN GAMES berhak menamatkan operasi permainan ini atau game world individu tanpa memberikan apa-apa sebab. TRAVIAN GAMES akan memberikan notis pemberhentian operasi permainan atau game world yang bersesuaian terlebih dahulu.

#### **4. Pengikatan kontrak pengguna permainan melalui pendaftaran atau muat turun**

- (1) Keahlian bermula daripada pengikatan kontrak pengguna permainan oleh TRAVIAN GAMES.
- (2) Dengan melengkapkan borang pendaftaran atau memulakan proses muat turun permainan daripada kedai aplikasi, pengguna membuat tawaran mengikat untuk memasuki kontrak pengguna permainan bagi tempoh masa yang tidak ditetapkan.
- (3) Pengguna mestilah mendaftar sendiri. Pendaftaran menggunakan pihak ketiga, khususnya pihak ketiga yang mendaftarkan orang persendirian dengan pelbagai penyedia telemedia untuk tujuan komersial (perkhidmatan pendaftaran atau perkhidmatan kemasukan), tidak dibenarkan.

#### **5. Pembelian kredit**

- (1) TRAVIAN GAMES mungkin memberikan pengguna satu perkhidmatan di dalam permainan yang membenarkan mereka mengakses ciri-ciri premium ("kredit") (§ 9). Kredit adalah unit permainan yang membenarkan pengguna

mengakses ciri-ciri premium. Kredit dibeli oleh pengguna dengan bayaran yang tertentu dan juga boleh, atas budi bicara TRAVIAN GAMES, diakses dengan tindakan-tindakan pengguna yang tertentu yang dilakukan di dalam permainan.

- (2) Pengguna mempunyai pilihan untuk mengakses kedai permainan melalui simbol kredit, di mana beberapa pakej kredit disediakan untuk dibeli dengan kos yang berbeza. Semua tawaran yang disediakan tidak mengikat dan hanya mewakili jemputan untuk membuat tempahan. Selain daripada pelbagai kaedah pembayaran, maklumat yang dipaparkan akan menyertakan tempoh kredit tersebut dikreditkan. Maklumat kontrak yang penting akan diringkaskan sekali lagi pada tahap yang seterusnya. Di sini pengguna berpeluang untuk mengenal pasti dan membetulkan apa-apa ralat input dengan menukar saiz pakej atau kaedah pembayaran contohnya. Pengguna boleh membatalkan proses tempahan ini pada bila-bila masa tanpa apa-apa tindakan dengan menutup tettingkap ini dan memulakan semula proses ini. Tawaran mengikat ke atas pembelian pakej kredit yang dipilih akan diberikan kepada pembeli setelah dia menekan butang "Beli". Halaman lain juga akan dibuka apabila pembeli menekan butang "Beli" di mana pembeli perlu memasukkan semua maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan pembayaran tersebut. Kredit yang dibeli akan dikreditkan dengan serta-merta selepas pembayaran disahkan.
- (3) TRAVIAN GAMES dibenarkan untuk meminta pembayaran pendahuluan bagi pembelian kredit tersebut. Jumlah kredit yang diperuntukkan, wang permainan yang akan digunakan dan syarat-syarat ciri-ciri premium masing-masing akan dipaparkan di dalam senarai yang bersesuaian di dalam permainan.
- (4) TRAVIAN GAMES tidak menyimpan teks kontrak bagi tempahan. Walau bagaimanapun, pengguna akan menerima emel pengesahan tempahan mereka, yang mengandungi teks kontrak tersebut. Bahasa yang tersedia untuk teks kontrak ini adalah bahasa game world permainan yang berkaitan.
- (5) Nilai kredit berlainan bergantung pada tarif yang dipilih dan boleh diubah pada bila-bila masa. Harga yang dinyatakan di laman web pada masa tempahan dibuat akan terpakai. Semua harga yang diberikan adalah termasuk cukai nilai tambah (setakat cukai nilai tambah diketepikan). Kos penghantaran tidak dikenakan. Keperluan teknikal dan keperluan semasa yang lain ada disenaraikan di laman web permainan.
- (6) Sekiranya TRAVIAN GAMES dikenakan apa-apa kos atau pembatalan caj balik yang timbul akibat tindakan pengguna, TRAVIAN GAMES akan menggantung apa-apa perkhidmatan dan menyekat akaun permainan pengguna dengan serta-merta. Tanggungjawab pengguna untuk membayar apa-apa yuran yang terhutang masih kekal. Pengguna boleh menggunakan akaunnya semula selepas membayar yuran yang terhutang tersebut, termasuk yuran pemprosesan. Pengguna juga akan membayar apa-apa kos bagi pembayaran semula yuran yang terhutang dan kos caj balik. Kos caj balik berjumlah sama dengan €5. Pengguna boleh memberikan bukti bahawa tiada kerosakan atau kos yang dikenakan atau ianya lebih rendah. Akaun permainan tidak boleh dibuka semula di negara-negara yang berikut: Mesir, Algeria, Armenia, Azerbaijan, Bahrain, Djibouti, Indonesia, Iraq, Yemen, Jordan, Qatar, Kuwait, Lebanon, Libya, Morocco, Mauretania, Oman,

Wilayah Palestin Berautonomi, Arab Saudi, Somalia, Sudan, Tunisia, Emiriah Arab Bersatu, Vietnam dan Sahara Barat.

- (7) Apa-apa kredit bagi ciri-ciri premium yang telah diaktifkan yang tempoh masa penggunaannya telahpun bermula akan dibayar balik secara berperingkat selama tempoh penyekatan akaun. Oleh itu, apa-apa manfaat yang didapati oleh pengguna daripada ciri-ciri premium semasa akaun mereka disekat akan dimasukkan di dalam pembayaran balik.

## **6. Hak menggunakan kredit**

- (1) Apabila akaun permainan pengguna dikreditkan dengan kredit, pengguna diberikan hak penggunaan tunggal ke atas kredit yang dibeli selama tempoh pusingan permainan. Berkenaan pemindahan kredit, istilah "jual" bermaksud "pemindahan hak penggunaan kredit tunggal yang tidak boleh dipindahkan kepada pengguna tersebut selama tempoh pusingan permainan, yang mana perkhidmatan balasan perlu diberikan", melainkan dengan cara lain dinyatakan di dalam kata atau konteks yang digunakan. Istilah "beli" pula bermaksud "pemerolehan oleh pengguna tersebut hak penggunaan kredit tunggal yang tidak boleh dipindahkan selama tempoh pusingan permainan". Istilah "pembeli", "penjual", "penjualan" dan "pembelian" dan istilah-istilah lain yang sama mempunyai maksud yang sepadan.
- (2) Kredit hanya sah di dalam game world kebangsaan yang relevan di mana kredit tersebut dibeli atau dipindahkan. Pengguna maklum bahawa kredit tersebut digunakan hanya sebagai fungsi permainan dan bukannya wang sebenar. TRAVIAN GAMES berhak mewujudkan program untuk penukaran kredit dengan wang sebenar atau untuk membenarkan penukaran tersebut di antara pengguna. Butir-butir boleh didapati di dalam peraturan permainan bagi permainan tersebut. Jika TRAVIAN GAMES tidak mewujudkan program tersebut atau tidak membenarkan penukaran tersebut, apa-apa perdagangan atau penukaran kredit dengan wang sebenar tidak dibenarkan (untuk penjelasan: sekiranya peraturan permainan tidak menyebut topik ini, perdagangan atau penukaran kredit dengan wang sebenar tidak dibenarkan). Apa-apa pengembalian kredit tidak dibenarkan, kecuali di dalam kes yang dinyatakan di dalam § 2 (5) ayat 3 dan § 7, dan tanpa mengira peraturan liabiliti dan waranti serta apa-apa hak pembatalan.
- (3) Meskipun terdapat apa-apa perjanjian dan hak TRAVIAN GAMES yang lain, hak penggunaan kredit akan ditamatkan di dalam apa-apa kes sekiranya kontrak pengguna permainan yang sedia ada di antara TRAVIAN GAMES dengan pengguna tamat, terutama sekali jika kontrak tersebut ditamatkan. Sekiranya ini terjadi, pengguna boleh meminta kredit yang telah diaktifkan sebelum ini tetapi belum digunakan dipindahkan kepada game world yang lain. Kredit akan dipindahkan hanya kepada game world di dalam permainan dan negara yang sama dengan pembelian Kredit.

## **7. Notis pembatalan**

### **Hak pembatalan**

**Anda mempunyai hak untuk menarik balik daripada kontrak pengguna permainan, kontrak pembelian permainan, dan kontrak pembelian kredit dalam masa empat belas hari tanpa memberikan sebab.**

**Tempoh penarikan balik akan tamat selepas 14 hari daripada hari pengikatan kontrak.**

**Untuk menjalankan hak penarikan balik anda, anda mestilah memaklumkan kepada kami (Travian Games GmbH, Wilhelm-Wagenfeld-Straße 22, 80807 Munich, Germany, tel. +49 (0)89 324915-0, faks +49 (0)89 324915-970, [protest@traviangames.com](mailto:protest@traviangames.com)) mengenai keputusan anda untuk menarik balik daripada kontrak ini dengan memberikan kenyataan yang jelas (seperti surat yang dihantar melalui pos, faks atau emel). Anda juga boleh menggunakan templat borang penarikan balik yang dilampirkan, tetapi tidak diwajibkan.**

**Untuk mematuhi tempoh akhir penarikan balik, cukuplah anda menghantar komunikasi anda mengenai niat anda untuk menarik balik sebelum tempoh penarikan balik tamat.**

### **Kesan penarikan balik**

**Sekiranya anda menarik balik kontrak ini, kami akan membayar balik semua bayaran yang kami terima daripada anda, termasuk semua kos penghantaran (kecuali kos tambahan sekiranya anda memilih jenis penghantaran yang lebih mahal daripada penghantaran biasa yang kami tawarkan), tanpa kelengahan tak wajar dan dalam apa-apa keadaan tidak melebihi 14 hari daripada hari kami dimaklumkan mengenai keputusan anda untuk menarik balik kontrak ini. Kami akan membayar balik menggunakan cara yang sama dengan cara pembayaran anda bagi transaksi awal anda, melainkan anda dengan jelas bersetuju dengan cara lain. Dalam apa-apa keadaan pun, anda tidak akan dikenakan apa-apa yuran akibat pembayaran balik ini.**

**Tamat notis hak penarikan balik**

### **Templat borang pembatalan**

**(Sekiranya anda ingin menarik balik daripada kontrak ini, sila lengkapkan borang ini dan hantar kembali kepada kami.)**

**- Kepada: Travian Games GmbH, Wilhelm-Wagenfeld-Str. 22, 80807 Munich, Germany, tel. +49 (0)89 324915-0, faks +49 (0)89 324915-970, [protest@traviangames.com](mailto:protest@traviangames.com):**

**Saya/kami (\*) dengan ini memberikan notis bahawa saya/kami menarik balik daripada kontrak jualan saya/kami bagi barangan yang berikut / bagi peruntukan perkhidmatan yang berikut (\*)**

- Ditempah pada (\*) / diterima pada (\*)
- Nama pengguna(-pengguna)
- Alamat pengguna(-pengguna)
- Tandatangan pengguna(-pengguna) (hanya jika borang ini dimaklumkan atas kertas)
- Tarikh

**(\*) Potong yang mana tidak berkeenaan.**

#### **Notis khas:**

**Hak pembatalan akan tamat sebelum masanya bagi kontrak penghantaran kandungan digital yang tidak disimpan pada pembawa data fizikal, jika TRAVIAN GAMES telah mula melaksanakan kontrak tersebut, selepas pengguna tersebut**

- 1. memberikan kebenaran dengan jelas bahawa TRAVIAN GAMES boleh memulakan pelaksanaan kontrak tersebut sebelum tempoh penarikan balik tamat, dan**
- 2. telah bersetuju bahawa mereka akan hilang hak penarikan balik dengan memberikan kebenaran untuk memulakan pelaksanaan kontrak tersebut.**

Apabila menghantar notis penarikan balik melalui emel, pengguna dinasihatkan menyatakan nama pengguna, akaun permainan dan game world (jika berkenaan) di dalam subjek emel tersebut.

### **8. Penggantian, hak pengekaln**

Pengguna hanya boleh menggantikan tuntutan balas dengan hutang belum terima daripada TRAVIAN GAMES jika ianya tiada pertikaian atau ditentukan menurut undang-undang. Pengguna hanya boleh melaksanakan hak pengekaln sekiranya tuntutan balasnya berkaitan dengan kontrak yang sama. Pengguna tidak boleh mewakilkan apa-apa tuntutan terhadap TRAVIAN GAMES kepada pihak ketiga.

### **9. Ciri-ciri premium**

- (1) Kredit membolehkan pengguna menggunakan ciri-ciri premium di dalam permainan. TRAVIAN GAMES berhak untuk mewajibkan wang permainan (\$ 10) digunakan untuk mengakses ciri-ciri premium.
- (2) TRAVIAN GAMES menawarkan ciri-ciri premium bagi permainan ini kepada para penggunanya atas budi bicaranya. Secara khususnya, ciri-ciri premium mungkin termasuk yang berikut:

Item: Item maya yang disediakan buat pengguna semasa pusingan permainan (contohnya perabot);



Artifak: Item maya yang disediakan buat pengguna semasa pusingan permainan atau bagi tempoh yang lebih pendek dan memberikan satu kelebihan atau lebih kepada pengguna di dalam permainan ini (contohnya perisai dengan ciri-ciri istimewa);

Buf: Fungsi tambahan yang memberikan satu atau lebih kelebihan sekali guna kepada pengguna di dalam permainan ini (contohnya memanggil pedagang NPC ("non-player character" atau watak bukan pemain));

Galakan: Fungsi tambahan yang memberikan satu kelebihan atau lebih kepada pengguna di dalam permainan ini bagi tempoh masa yang tertentu (contohnya pengekstrakan bahan mentah yang dipertingkat);

Keahlian premium: Fungsi tambahan yang membenarkan pengguna mendapat akses kepada fungsi permainan yang lebih luas (contohnya akses kepada statistik);

Kad Perdagangan: Kad pengumpul maya yang mewakili koleksi ciri-ciri premium yang rawak dengan jenis yang sama atau berlainan. Setiap Kad Perdagangan mewakili satu ciri-ciri premium;

Putaran nasib: Pembelian ciri-ciri premium yang dipilih secara rawak menggunakan kredit atau wang permainan.

Laman web game world yang relevan akan menunjukkan ciri-ciri premium yang ada, tarifnya, fungsinya dan apa yang diperlukan untuk membelinya. TRAVIAN GAMES berhak memperkenalkan ciri-ciri premium yang baru.

- (3) Setakat TRAVIAN GAMES menawarkan kad perdagangan, TRAVIAN GAMES akan memastikan nilai kad perdagangan yang diperolehi adalah sama dengan kredit yang diperuntukkan. TRAVIAN GAMES berhak menyediakan sistem bagi permainan ini atau game world individu di mana pengguna boleh menukar satu atau beberapa Kad Perdagangan yang dia perolehi dengan satu atau beberapa Kad Perdagangan yang baru dan/atau kredit.
- (4) Setakat TRAVIAN GAMES menawarkan putaran nasib, TRAVIAN GAMES akan memastikan bahawa nilai ciri-ciri premium yang diperolehi sekurang-kurangnya sama dengan kredit yang digunakan.
- (5) TRAVIAN GAMES berhak pada bila-bila masa untuk menawarkan ciri-ciri premium yang baru, mengubah ciri-ciri premium, atau berhenti menawarkannya. Sekiranya ini terjadi, TRAVIAN GAMES akan menawarkan ciri-ciri yang lain sebagai ganti dan/atau mengkreditkan kredit yang diperuntukkan kepada pengguna tersebut atas permintaannya sekiranya ciri-ciri premium tersebut telah diaktifkan tetapi tempoh penggunaannya belum bermula pada masa ianya diubah atau pada masa ianya tidak lagi ditawarkan di masa akan datang. Ciri-ciri premium yang telah diaktifkan sebelum ini dan tempoh penggunaannya telah bermula pada masa ianya diubah atau tidak lagi ditawarkan di masa akan datang tidak akan dibayar balik.
- (6) TRAVIAN GAMES berhak mewujudkan program untuk penukaran ciri-ciri premium, akaun, item maya atau kredit dengan wang sebenar, atau untuk membenarkan penukaran tersebut di antara pengguna. Butir-butir boleh didapati di dalam peraturan permainan bagi permainan tersebut. Jika TRAVIAN GAMES tidak mewujudkan program tersebut atau tidak

membenarkan penukaran tersebut, apa-apa perdagangan atau penukaran ciri-ciri premium, akaun, item maya atau kredit dengan wang sebenar tidak dibenarkan (untuk penjelasan: sekiranya peraturan permainan tidak menyebut topik ini, perdagangan atau penukaran ciri-ciri premium, akaun, item maya, atau kredit dengan wang sebenar tidak dibenarkan).

- (7) Jika kontrak pengguna permainan yang sedia ada di antara TRAVIAN GAMES dengan pengguna tamat (seperti penamatan atau penghentian permainan atau game world), ciri-ciri premium yang telah diaktifkan sebelum ini dan tempoh masa penggunaannya telah bermula pada masa pembatalan tidak akan dibayar semula, walaupun jika tempoh penggunaannya belum tamat. Pengguna boleh memohon untuk dikreditkan kredit bagi ciri-ciri premium yang telah diaktifkan sebelum ini dan tempoh masa penggunaannya belum bermula pada masa pembatalan.

## **10. Wang permainan**

TRAVIAN GAMES mungkin menyediakan perkhidmatan kepada pengguna di dalam permainan yang mewakili cara pembayaran di dalam permainan ("wang permainan"). Wang permainan boleh diakses apabila pengguna melakukan tindakan yang tertentu di dalam permainan. Pengguna maklum bahawa wang permainan tersebut digunakan hanya sebagai fungsi permainan dan bukannya wang sebenar. TRAVIAN GAMES berhak mewujudkan program untuk penukaran wang permainan dengan wang sebenar atau untuk membenarkan penukaran tersebut di antara pengguna. Butir-butir boleh didapati di dalam peraturan permainan bagi permainan tersebut. Jika TRAVIAN GAMES tidak mewujudkan program tersebut atau tidak membenarkan penukaran tersebut, apa-apa perdagangan atau penukaran wang permainan dengan wang sebenar tidak dibenarkan (untuk penjelasan: sekiranya peraturan permainan tidak menyebut topik ini, perdagangan atau penukaran wang permainan dengan wang sebenar tidak dibenarkan).

## **11. Tanggungjawab pengguna**

- (1) Pengguna tidak boleh memiliki beberapa akaun untuk satu game world secara serentak. Walau bagaimanapun, pengguna dibenarkan untuk memiliki satu akaun permainan di dalam beberapa game world secara serentak. TRAVIAN GAMES berhak membenarkan beberapa akaun permainan bagi setiap pengguna bagi satu permainan atau satu game world. Bagi kes ini, TRAVIAN GAMES akan menyatakannya dengan cara yang sesuai kepada pengguna. Akaun tidak boleh dijual, didagang, dihadiahkan, atau dipindahkan dengan cara yang lain pada bila-bila masa dalam apa-apa keadaan sekalipun melainkan dibenarkan dengan jelas oleh TRAVIAN GAMES. Pengguna tidak boleh mengongsi akaun mereka. Pengguna tidak boleh mendedahkan kata laluan mereka kepada sesiapa.
- (2) Pengguna berjanji untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan ke atasnya apabila menggunakan semua permainan dan laman web yang dikendalikan oleh TRAVIAN GAMES. Dia berjanji untuk mematuhi peraturan permainan yang berkaitan. Tambahan pula, dia berjanji untuk tidak melakukan perbuatan di bawah ini:

- Menyebarkan kenyataan yang mempunyai kandungan yang kesat, mengganggu atau ganas atau dengan kandungan yang mengagungkan keganasan atau kandungan yang mempunyai unsur hasutan, seksis, menjelikkan, lucah, perkauman dan yang keji secara moral atau dengan kandungan serangan atau haram yang lain (termasuk semua nama di dalam permainan ini contohnya nama pengguna, nama avatar, nama kampung, bandar, perikatan, persatuan, puak, suku, kenderaan, pulau, gabungan dan lain-lain).
- Kelakuan yang menghina, mengganggu, mengancam, menakutkan terhadap pengguna lain, atau membuat fitnah atau memalukan pengguna lain.
- Menyebarkan kenyataan dengan kandungan iklan, keagamaan atau politik (termasuk semua nama di dalam permainan ini contohnya nama pengguna, nama avatar, nama kampung, bandar, perikatan, persatuan, puak, suku, kenderaan, pulau, gabungan dan lain-lain).
- Mengintip, mendedahkan atau menyebarkan maklumat peribadi atau sulit pengguna lain, pekerja TRAVIAN GAMES atau apa-apa sikap tidak mempedulikan hak peribadi orang lain atau pekerja TRAVIAN GAMES.
- Menyebarkan dakwaan yang tidak benar mengenai bangsa, agama, jantina, orientasi seksual, asal, status sosial pengguna lain atau pekerja TRAVIAN GAMES (termasuk semua nama di dalam permainan ini contohnya nama pengguna, nama avatar, nama kampung, bandar, perikatan, persatuan, puak, suku, kenderaan, pulau, gabungan dan lain-lain).
- Mengintip, mendedahkan atau menyebarkan maklumat sulit TRAVIAN GAMES.
- Menyebarkan dakwaan yang tidak benar mengenai TRAVIAN GAMES (termasuk semua nama di dalam permainan ini contohnya nama pengguna, nama avatar, nama kampung, bandar, perikatan, persatuan, puak, suku, kenderaan, pulau, gabungan dan lain-lain).
- Menyamar menjadi pekerja TRAVIAN GAMES atau syarikat gabungan atau rakan kongsi TRAVIAN GAMES.
- Penggunaan gambar, foto, grafik, video, trek muzik, bunyi, teks, nama jenama, tajuk, nama, perisian atau kandungan lain yang dilindungi undang-undang tanpa kebenaran pemegang(-pemegang) hak atau mempunyai kebenaran untuk melakukan sedemikian mengikut undang-undang atau peruntukan undang-undang.
- Penggunaan kandungan yang dilarang atau haram.
- Penggunaan ralat pengaturcaraan (pepijat).
- Tindakan yang membawa kepada bebanan lebih pada pelayan dan/atau boleh dianggap memberi kesan buruk kepada pengalaman permainan pemain lain.
- Menggodam atau memecahkan kod atau menggalakkan atau menghasut aktiviti menggodam atau memecahkan kod.
- Menyebarkan perisian cetak rompak dan menggalakkan atau menghasut penyebaran perisian cetak rompak.
- Memuat naik fail yang mengandungi virus, kuda Troy, ulat atau data yang dimusnahkan.

- Menggunakan atau menyebarkan aturcara perisian "automatik", aturcara perisian "makro" atau aturcara perisian "penipuan" yang lain.
  - Mengubah permainan, laman web permainan atau mana-mana bahagiannya.
  - Menggunakan perisian yang membolehkan apa yang dirujuk sebagai "perlombongan data" atau dengan apa-apa cara lain memintas atau mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan permainan ini.
  - Mengganggu penyampaian daripada dan kepada pelayan permainan dan pelayan laman web permainan.
  - Mengganggu penyampaian daripada dan kepada pelayan permainan dan pelayan laman web permainan.
- (3) Pengguna berjanji untuk mematuhi peraturan permainan.
  - (4) TRAVIAN GAMES hanya menyediakan platform untuk para pemain berkomunikasi; pengguna bertanggungjawab sendiri ke atas kandungan komunikasi tersebut. Platform ini disediakan hanya untuk komunikasi berkaitan dengan permainan ini. Membanjiri platform komunikasi dengan mesej, surat berantai, sistem huluran atau apa-apa jenis spam yang lain adalah dilarang sama sekali.
  - (5) Apa-apa penggunaan tambahan melalui atur cara, skrip atau apa-apa alat sokongan tambahan yang lain dilarang keras.
  - (6) Permainan dan game world ini bertujuan untuk memberikan keseronokan kepada semua pengguna selama yang boleh. Oleh itu, TRAVIAN GAMES berharap para pengguna akan mematuhi syarat (1) hingga (5) peraturan dan tanggungjawab ini. Dengan itu, TRAVIAN GAMES berhak menggunakan atur cara dan kakitangan yang terlatih yang bersesuaian untuk mengesan apa-apa pelanggaran kontrak yang sedemikian oleh para pengguna, dan untuk mengenal pasti pengguna yang terlibat sekiranya terdapat apa-apa syak pelanggaran kontrak yang munasabah. Pengguna sangat-sangat dinasihatkan untuk merujuk Dasar Privasi TRAVIAN GAMES.
  - (7) Pelanggaran apa-apa peraturan dan tanggungjawab yang ditetapkan di dalam (1) hingga (5) boleh dihukum dengan menarik balik kemajuan permainannya dan/atau sekatan akaun permainan sementara dengan serta-merta, bergantung pada sifat pelanggaran tersebut. Sekiranya pelanggaran dikesan, salah seorang daripada kakitangan TRAVIAN GAMES yang terlatih secara bersesuaian akan memutuskan dengan niat yang baik akibat yang akan diterima oleh pesalah laku tersebut, kes demi kes. Pengguna bersetuju keputusan pekerja tersebut adalah muktamad. Selain itu, pengguna bersetuju bahawa TRAVIAN GAMES tidak boleh mendedahkan mekanisme yang digunakan untuk mengesan pelanggaran tersebut, kerana mekanisme tersebut boleh dipintas dengan mudah.
  - (8) Pelanggaran apa-apa peraturan dan tanggungjawab yang ditetapkan di dalam (1) hingga (5) boleh, selepas notis amaran dikeluarkan terlebih dahulu, membawa kepada sekatan atau pemadaman akaun permainan dengan serta-merta atau penamatan kontrak pengguna permainan dengan serta-merta dengan alasan yang munasabah. Sekiranya terjadi pelanggaran yang serius, amaran tidak diperlukan. Sesuatu pelanggaran itu akan dianggap serius jika, apabila dipertimbangkan semua fakta dan akibat kes secara individu dan mengambil kira kepentingan TRAVIAN

GAMES dan juga pengguna tersebut, TRAVIAN GAMES tidak boleh diharapkan secara munasabah untuk menjangkakan perlanggaran lanjut.

- (9) TRAVIAN GAMES berhak melarang pengguna tersebut untuk mendaftar permainan ini sekali lagi di masa akan datang berikutan sekatan atau pemadaman akaun permainan secara kekal atau penamatan kontrak pengguna permainan dengan cara yang di luar kebiasaan.
- (10) Pengguna mestilah memastikan kata laluan aksesnya kekal rahsia dan, untuk keselamatan, menukar kata laluan secara tetap. Sekiranya ada pihak ketiga yang mengakses akaun permainan pengguna tersebut selepas memperolehi data aksesnya kerana pengguna gagal merahsiakan datanya secara berpatutan daripada diakses oleh pengguna lain, pengguna tersebut akan dianggap melakukannya sendiri. Pengguna berhak memberikan bukti bahawa bukan dia yang membuat tindakan tersebut, dan bahawa dia telah menyimpan akaun permainannya dengan selamat daripada diakses oleh pengguna lain.
- (11) Melainkan disebutkan dengan cara lain di dalam syarat-syarat ini atau mana-mana perjanjian lain dengan pengguna, TRAVIAN GAMES biasanya akan berkomunikasi dengan pengguna melalui emel. Pengguna perlu memastikan bahawa dia ada menerima emel yang dihantar oleh TRAVIAN GAMES ke alamat emel yang diberikan olehnya semasa mendaftar atau selepas itu. Ini boleh dipastikan dengan tetapan yang betul pada tapisan spam dan dengan menyemak alamat emel yang berkaitan secara tetap. Dalam perkara lain, TRAVIAN GAMES berhak memilih jenis maklum balas bagi apa-apa komunikasi bertulis yang lain.
- (12) Apabila pengguna menghubungi TRAVIAN GAMES, pengguna dinasihatkan untuk menyebut nama pemain, game world dan akaun permainan yang dirujuk.

## **12. Kecacatan permainan**

- (1) TRAVIAN GAMES menyediakan penggunaan permainan dan laman web permainan kepada pengguna di dalam versi yang sedia ada pada masa tersebut. Tanpa menjejaskan apa-apa tuntutan sekiranya terdapat kecacatan di dalam permainan atau laman web permainan, pengguna tidak layak memohon bahawa negeri yang tertentu dan/atau skop fungsi permainan yang tertentu dikekalkan atau diwujudkan. Pengguna juga tidak layak memohon supaya permainan ini tidak ditutup, contohnya untuk kerja-kerja penyelenggaraan.
- (2) Sebagai balasan pengendalian permainan yang betul, pengguna dinasihatkan untuk sentiasa merekod secara berpatutan apa-apa kecacatan yang terjadi di dalam permainan atau di dalam mana-mana penghantaran atau perkhidmatan lain TRAVIAN GAMES dan, secara khususnya, untuk melaporkannya, dengan menyatakan dengan jelas apa-apa mesej ralat yang terjadi.
- (3) Demi keselamatan pengguna sendiri, dan secara khususnya demi menyelamatkan bukti, pengguna disarankan untuk memajukan apa-apa kecacatan kepada TRAVIAN GAMES secara bertulis.

- (4) TRAVIAN GAMES tidak memberikan apa-apa jaminan dari segi undang-undang, melainkan dinyatakan sebaliknya dengan jelas secara bertulis.

### **13. Liabiliti TRAVIAN GAMES**

- (1) Sekiranya pengguna tidak perlu membeli permainan ini, dan tidak perlu membeli apa-apa kredit untuk yuran kewangan di atas penggunaan permainan ini, TRAVIAN GAMES hanya akan bertanggungjawab ke atas kerosakan yang terjadi kepada penggunaan permainan ini mengikut kontrak dan hanya dalam kes sengaja (termasuk ketidakjujuran) dan kecuiaan yang melampau. Sekiranya terdapat kecacatan dari segi undang-undang, TRAVIAN GAMES juga hanya akan bertanggungjawab ke atas kecacatan yang disorokkan secara salah. Jika tidak, perenggan (5) hingga (8) akan diguna pakai.
- (2) Di dalam kes-kes lain, peraturan perenggan (3) hingga (8) yang berikut akan diguna pakai ke atas liabiliti TRAVIAN GAMES sehingga tamat pusingan permainan berkenaan di mana pengguna membeli kredit dengan yuran kewangan.
- (3) TRAVIAN GAMES mempunyai liabiliti tanpa had sekiranya berlaku kecuiaan yang disengajakan dan melampau. Selain itu, TRAVIAN GAMES juga bertanggungjawab ke atas pelanggaran kecuiaan di atas tanggungjawab mengikut kontrak yang asas. Tanggungjawab mengikut kontrak yang asas adalah tanggungjawab yang membolehkan pelaksanaan kontrak dengan betul, dan pelanggarannya akan menjejaskan pelaksanaan objek kontrak dan pelaksanaan yang diharapkan oleh pengguna. Walau bagaimanapun, di dalam kes ini, TRAVIAN GAMES tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan yang luar biasa dan tidak dapat dijangkakan. Tempoh pengehadan tuntutan yang dinyatakan di dalam ayat 2-4 adalah dua tahun. TRAVIAN GAMES tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana pelanggaran kecuiaan tanggungjawab yang lain.
- (4) Kerosakan yang boleh dijangka dihadkan amaunnya kepada €100 bagi setiap akaun permainan.
- (5) Pengehadan dan pengecualian liabiliti di atas tidak dikenakan terhadap penyembunyian kecacatan dengan niat yang tidak baik, sekiranya terjadi kematian, kecederaan fizikal dan menjejaskan kesihatan atau sekiranya TRAVIAN GAMES menerima jaminan. Liabiliti TRAVIAN GAMES berasaskan Akta Liabiliti Produk kekal tidak berubah.
- (6) Dalam perkara lain, apa-apa liabiliti dalam mendapatkan balik data pengguna dihadkan berkaitan dengan amaun kepada kos yang diperlukan untuk mendapatkan semula data yang akan hilang juga walaupun jika langkah-langkah salinan data yang berpatutan telah diambil secara tetap atau yang boleh didapati semula daripada bahan data yang boleh dibaca oleh mesin dengan kos yang berpatutan walaupun tiada langkah-langkah salinan data yang berpatutan diambil dengan apa-apa cara lain secara tetap.
- (7) Pengehadan dan pengecualian liabiliti di atas juga akan diguna pakai berkaitan dengan liabiliti wakil yang sah, ejen yang dilantik dan pekerja TRAVIAN GAMES.

- (8) Apa-apa pemindaan terhadap beban membuktikan yang merugikan pengguna tidak terikat kepada peraturan yang disebutkan di atas.

#### **14. Tempoh kontrak, penamatan**

- (1) Kontrak di antara pengguna dengan TRAVIAN GAMES adalah bagi tempoh masa yang tidak ditetapkan melainkan ditentukan sebaliknya dalam tawaran khusus daripada TRAVIAN GAMES.
- (2) Kontrak pengguna permainan boleh ditamatkan pada bila-bila masa dengan serta-merta oleh kedua-dua pihak tanpa perlu memberikan apa-apa sebab, melainkan tempoh notis yang ditetapkan tempohnya telah dipersetujui dengan jelas.
- (3) Hak kedua-dua pihak ke atas notis penamatan kontrak pengguna permainan dengan alasan yang munasabah kekal tidak berubah dengan peruntukan di atas. Penamatan yang di luar kebiasaan tanpa apa-apa notis terlebih dahulu dengan alasan yang munasabah hanya dibenarkan apabila alasan tersebut disebutkan.
- (4) Tanpa menjejaskan § 8 (8), secara khususnya TRAVIAN GAMES berhak mengeluarkan notis pembatalan kontrak pengguna permainan dengan alasan yang munasabah, jika:
  - pengguna tidak menggunakan akaun permainannya selama tempoh yang diterangkan secara terperinci di dalam peraturan permainan walaupun selepas pemberitahuan daripada TRAVIAN GAMES;
  - pengguna terlibat dalam transaksi wang sebenar di luar program yang disediakan oleh atau tanpa kebenaran TRAVIAN GAMES (untuk penjelasan: TRAVIAN GAMES tidak diwajibkan untuk mewujudkan program sedemikian atau untuk membenarkan transaksi wang sebenar, dan jika TRAVIAN GAMES tidak mewujudkan program sedemikian atau tidak membenarkannya, transaksi wang sebenar adalah dilarang).
- (5) Atas sebab teknikal, pemadaman kekal data pengguna dan akaun permainan akan memakan masa beberapa hari.
- (6) Penamatan kontrak pengguna permainan dan/atau akaun permainan mestilah dibuat secara bertulis. Faks atau emel juga dianggap bentuk tulisan yang sah.

Sekiranya kontrak pengguna permainan ditamatkan, wang permainan tidak akan ditukarkan dengan wang sebenar; ini juga terpakai untuk kredit, kecuali yang disebutkan di dalam § 2 (5). Sila lihat § 9 (7) berkaitan dengan penukaran ciri-ciri premium yang telah diaktifkan dengan kredit sekiranya terjadi penamatan kontrak.

Sekiranya akaun pengguna permainan dipadam, kesahan kontrak pengguna permainan akan kekal tidak berubah.

## **15. Perlindungan data, pengiklanan**

- (1) TRAVIAN GAMES akan mengendalikan semua data peribadi yang diberikan oleh pengguna semasa perhubungan kontrak secara sulit dan mematuhi semua peraturan perlindungan data yang relevan.
- (2) Atas sebab teknikal, penglibatan di dalam permainan ini dan juga perkhidmatan yang melibatkan permainan tidak dibolehkan tanpa pengguna menyimpan data. Pengguna bersetuju dengan penyimpanan dan pemrosesan elektronik datanya dengan memohon pembukaan akaun permainan atau dengan menggunakan perkhidmatan yang melibatkan permainan.
- (3) Sekiranya pengguna memohon untuk dipadam keseluruhan datanya, ianya dengan automatik akan menyebabkan pemadaman semua akaun permainan yang telah dimilikinya di dalam permainan yang dikendalikan oleh TRAVIAN GAMES dan pembatalan kontrak pengguna permainan.
- (4) Dalam perkara yang lain, Dasar Privasi TRAVIAN GAMES akan diguna pakai.

## **16. Peruntukan akhir**

- (1) Syarat-syarat ini dan semua kontrak yang dipersetujui berdasarkan syarat-syarat ini akan tertakluk kepada undang-undang Republik Persekutuan Jerman. Pemakaian Konvensyen PBB mengenai Kontrak Jualan Barangan Antarabangsa dan konflik peruntukan undang-undang swasta dan undang-undang antarabangsa Jerman dikecualikan.
- (2) Sekiranya alamat kediaman dan alamat kebiasaan pengguna berada di luar Republik Persekutuan Jerman, bidang kuasa yang terpakai akan mengguna pakai alamat pejabat TRAVIAN GAMES yang berdaftar. Ini juga terpakai sekiranya alamat kediaman atau alamat kebiasaan pengguna tidak diketahui pada masa tindakan undang-undang tersebut dimulakan.
- (3) Sekiranya peruntukan syarat-syarat ini menjadi tidak sah, ianya tidak akan mempengaruhi kesahan peruntukan yang lain.

Travian Games GmbH  
Wilhelm-Wagenfeld-Straße 22  
80807 Munich

Munich District Court, HRB 173511  
Nombor VAT DE 246258085  
Pengarah Urusan: Jörg Strathaus, Frederik Hammes

Emel: [protest@traviangames.com](mailto:protest@traviangames.com)

Versi: 02 September 2019